



15 Disember 2016
15 December 2016
P.U. (A) 323

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN (HARGA JUALAN MURAH) (PINDAAN) 2016

TRADE DESCRIPTIONS (CHEAP SALE PRICE) (AMENDMENT) REGULATIONS 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERATURAN-PERATURAN PERIHAL DAGANGAN (HARGA JUALAN MURAH)
(PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 69 Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pindaan peraturan 5

2. Peraturan-Peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1997 [*P.U. (A) 424/1997*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 5—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “empat”;

(b) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “empat”; dan

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “dua kali” dengan perkataan “satu kali”;

(c) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “sales” dengan perkataan “sale”;

- (d) dengan memotong subperaturan (3A);
- (e) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perkataan “dua kali jualan” dengan perkataan “jualan”; dan
- (f) dalam subperaturan (5), dengan memotong perkataan “(3A) atau”.

Peraturan baharu 6A

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6 peraturan yang berikut:

“Peraturan minimum bagi pengurangan harga

6A. (1) Bagi maksud jualan pada harga jualan murah di bawah peraturan 5, peratusan minimum bagi pengurangan harga barang-barang yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan hendaklah tidak kurang daripada sepuluh peratus daripada harga yang barang-barang itu dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dahulu olehnya sebagaimana yang dikehendaki untuk ditunjukkan di bawah perenggan 8(1)(a).

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan—

(a) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit; atau

(b) jika orang itu bukan suatu pertubuhan perbadanan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama